

Negara Malaysia Pencen tak hilang walau jabatan diswastakan: PM

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi jaminan kepada Cuepacs bahawa kakitangan kerajaan akan terus menikmati pencen, elaun khidmat awam dan lain-lain faedah walaupun sekiranya jabatan mereka diswastakan.

Perdana Menteri juga menyatakan kesediaannya untuk berdialog dengan para anggota Cuepacs (Kongres Kesatuan Kakitangan Awam) mengenai dasar Pengswastaan dan Per-syarikatan Malaysia, menurut Setiausaha Agung Cuepacs, Encik Jamaluddin Mohd Isa.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan itu dalam pertemuan satu setengah jam dengan Presiden Cuepacs Encik Ahmad Nor dan Encik Jamaluddin di pejabatnya hari ini.

Encik Jamaluddin berkata, Cuepacs akan mengadakan satu seminar khas mengenai Pengswastaan dan Per-

syarikatan Malaysia di Port Dickson pada 6 Disember.

Perdana Menteri telah bersetuju merasmikan seminar itu dan berdialog dengan para anggota.

Kedua-dua pemimpin Cuepacs itu juga menimbulkan beberapa isu dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, termasuk elaun perumahan, kerjasama antara Cuepacs dan kerajaan, pemindahan teknologi dan pergabungan kesatuan-kesatuan di Sabah dan Sarawak dengan Cuepacs.

Memohon

Encik Jamaluddin berkata Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan beliau akan berbincang dengan Menteri Kerajaan Tengku Razaleigh Hamzah mengenai elaun perumahan.

Cuepacs telah memohon agar kerajaan sekurang-kurangnya menimbang pemberian elaun perumahan kepada para pekerja kumpulan 'D' untuk membantu meringankan beban mereka.

Inilah kali ketiga Cuepacs menimbulkan isu elaun perumahan dengan Perdana Menteri. Kali pertama ialah pada 22 Disember 1981 dan kali kedua pada 16 Ogos tahun lalu.

Mengenai kerjasama Cuepacs dengan kerajaan, Encik Jamaluddin berkata mereka menagaskan kepada Datuk Seri Dr Mahathir bahawa hak berunding hendaklah dikembalikan kepada pihak kesatuan kakitangan awam sebelum kerjasama dapat dijayakan.

Beliau menambah, bahawa Perdana Menteri memberi jaminan akan membincangkan perkara itu dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Encik Jamaluddin berkata sebagai tanda muhibah, Cuepacs mengesyorkan agar kongres itu dan kerajaan menganjurkan bersama sambutan Hari Pekerja tahun depan.

Datuk Seri Dr Mahathir, katanya, bersetuju dengan cadangan itu. — Bernama.